



SIARAN MEDIA

JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

KIBARAN JALUR GEMILANG, KEBANGGAAN RAKYAT MALAYSIA

19 OGOS 2025

YB Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) hari ini menyempurnakan sesi penyerahan dan pemasangan Jalur Gemilang pada kenderaan-kenderaan rasmi jabatan sempena sambutan Hari Kebangsaan 2025 di Menara Seri Wilayah. Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang tahun ini telah dilancarkan pada 27 Julai di Dataran Tanjung Emas, Muar, Johor dengan membawa tema “Malaysia Madani: Rakyat Disantuni”.

Sebanyak 25 buah kenderaan rasmi pelbagai agensi termasuk Jabatan Wilayah Persekutuan, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), Pusat Pencegahan Jenayah Nasional (NFCC), Urusetia Jawatankuasa Kerja Tanah (UJKT), Angkatan Pertahanan Awam Negeri Wilayah Persekutuan (APAM), Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia (AADK), Askar Wataniah Malaysia dan RELA turut menyertai pemasangan Jalur Gemilang pada hari ini. Sebanyak 700 Bendera Malaysia diedarkan pada pagi ini. Manakala sebanyak 51,150 Bendera Malaysia telah dipasang di jalan-jalan protokol, kawasan awam dan kawasan perumahan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Amalan mengibar Jalur Gemilang bukan sekadar rutin tahunan, tetapi menjadi simbol penyatuan rakyat yang melangkaui bangsa, agama dan latar belakang. Setiap bendera yang dikibarkan menggambarkan semangat keberanian, kesetiaan dan kebanggaan rakyat terhadap tanah air. Ia juga menjadi cerminan jati diri rakyat Malaysia yang sentiasa menghargai nikmat kemerdekaan dan kemakmuran negara.

Program ini bertujuan untuk mengukuhkan semangat cintakan negara, khususnya dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan, di samping menyemarakkan semangat patriotisme. Mengibar Jalur Gemilang di kenderaan rasmi kerajaan dan agensi turut membawa mesej bahawa Malaysia adalah rumah kita bersama yang harus dipelihara dengan semangat kebersamaan.

Melalui usaha ini, identiti nasional dapat terus diperkukuh, semangat perpaduan diperteguh dan kecintaan terhadap tanah air diperkasa. Rakyat Malaysia diseru untuk terus bersama-sama membina negara yang lebih maju, berintegriti dan sejahtera. Malaysia Madani adalah ikatan hati yang menyatukan seluruh rakyat Malaysia menuju masa depan yang lebih cerah, makmur dan harmoni.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Jabatan Wilayah Persekutuan

19 OGOS 2025



